

Komitmen UEM Edgenta ke arah Kelestarian: Untuk Masa Hadapan Yang Lebih Baik

- Perbaharui penajaan dengan Zoo Negara untuk sepasang zirafah, Mas Boy dan Mas Kira serta sumbangan bangku pelawat
- Jalin kerjasama dengan Taman Tugu Malaysia melalui penajaan pokok Mersawa Paya

KUALA LUMPUR, 6 Disember – UEM Edgenta Berhad ("UEM Edgenta" atau "Syarikat") mengukuhkan lagi komitmennya terhadap usaha kelestariannya dalam aspek alam sekitar dan sosial melalui pelaksanaan dua inisiatif, dengan memperbaharui penajaannya dengan Zoo Negara Malaysia serta berganding bahu dengan Projek Taman Tugu.

Pembaharuan penajaan tersebut merupakan kesinambungan jalinan kerjasama antara UEM Edgenta dengan Zoo Negara yang telah memasuki tahun kedua, merupakan sebahagian daripada program 'Adopt an Animal' oleh Zoo Negara. Jumlah tajaan sebanyak RM20,000 akan memastikan dan menambah baik usaha pemeliharaan pasangan zirafah 'Mas Boy' dan 'Mas Kira' untuk tempoh 12 bulan lagi, menyumbang kepada kebajikan tahunan, menyediakan bekalan makanan dan penjagaan veterinar. Selain itu, penajaan ini juga adalah termasuk sumbangan 10 unit bangku pelawat kepada Zoo Negara.

Satu lagi inisiatif dengan Projek Taman Tugu adalah penajaan pokok Mersawa Paya oleh UEM Edgenta untuk menggalakkan pemeliharaan biodiversiti terutamanya kerana pokok ini telah dikenal pasti tergolong dalam kategori spesies terancam di bawah Senarai Merah oleh Kesatuan Antarabangsa untuk Pemuliharaan Alam Semula Jadi ("IUCN"), sebuah badan pentadbir untuk tapak yang dilindungi, dan diklasifikasikan dalam Senarai Merah Tumbuhan Malaysia #Terancam pada tahun 2010. Spesies ini kebanyakannya terdapat di kawasan yang dilindungi dan diancam oleh aktiviti pembalakan dan kebakaran yang berterusan untuk sumber kayu aslinya.

Syahrizam Samsudin, Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif UEM Edgenta berkata, "Saya berasa gembira kerana kami dapat menyediakan bantuan untuk memastikan kesejahteraan 'Mas Boy' dan 'Mas Kira' dalam menyokong usaha pemuliharaan dan perlindungan haiwan hidupan liar. Di bawah penjagaan baik Zoo Negara, zirafah angkat kami sihat, ceria dan aktif. Kami juga turut menyumbang bangku pelawat yang diletakkan di sekitar Zoo Negara untuk menyokong landskap persekitaran di samping menawarkan kawasan rehat kepada pengunjung untuk menikmati lawatan mereka ke sini," ulas Syahrizam pada majlis penyerahan yang diadakan di Zoo Negara awal hari ini.

"Saya juga percaya ia adalah sebahagian daripada tanggungjawab bersama kita sebagai warga korporat untuk melindungi dan memelihara taman hutan bandar kita untuk manfaat masyarakat setempat, dan memastikan landskap kawasan hijau sentiasa dijaga dengan baik, dikekalkan dan

dipelihara untuk generasi akan datang. Kami amat berbesar hati untuk bergabung tenaga dengan Projek Taman Tugu dan berharap melalui kerjasama ini, kami dapat membantu melindungi lebih banyak spesies pokok terancam seterusnya dapat meningkatkan biodiversiti Taman Tugu,” tambah Syahrudin.

Rosly@Rahmat Ahmat Lana, Timbalan Presiden Persatuan Zoologi Malaysia berkata, “Kami benar-benar menghargai sokongan berterusan daripada UEM Edgenta, kerana sumbangan mereka akan memberi manfaat kepada kesejahteraan zirafah angkat melalui program yang memberi impak ini. Alhamdulillah, kami juga amat bersyukur kerana dapat beroperasi semula untuk menerima pelawat yang telah divaksin sepenuhnya. Seperti biasa, kami mengalu-alukan lebih banyak sumbangan daripada syarikat dan orang ramai agar dapat terus mengekalkan dan menjaga Zoo ini serta berharap lebih ramai pengunjung datang berkunjung ke sini untuk menikmati lebih 3,749 spesimen daripada 254 spesies mamalia, burung, reptilia, amfibia, invertebrata dan juga daripada spesies ikan.

Kedua-dua inisiatif ini adalah sejajar dengan komitmen kecemerlangan alam sekitar, sosial dan tadbir urus ("ESG") UEM Edgenta, dan untuk mengetahui maklumat lanjut mengenai usaha Kemampanan syarikat, sila lawati [halaman](#) ini.

-Tamat-

Mengenai UEM Edgenta Berhad

UEM Edgenta (www.uemedgenta.com) adalah syarikat Pengurusan Aset dan Penyelesaian Infrastruktur terkemuka di rantau ini dan anak syarikat UEM Group. Disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad (KLSE: EDGENTA), kepakaran kami meliputi bahagian Healthcare Support dan Property & Facility Solutions, serta Infrastructure Services yang merangkumi penyelesaian untuk lebuhraya dan rel, termasuk pengurusan projek dan perkhidmatan kejuruteraan menerusi OPUS Consultants.

Sejajar dengan visi 'Edgenta of the Future 2025', perkhidmatan UEM Edgenta yang menyeluruh adalah didorong oleh kepakaran teknologi merangkumi sepanjang kitaran hayat aset termasuk perundingan, perolehan dan perancangan pembinaan, operasi dan penyelenggaraan serta pengoptimuman, pemulihan dan naik taraf. Penyelesaian digital merentasi pelbagai industri meletakkan UEM Edgenta sebagai pemangkin ke arah Syarikat Penyelesaian yang dipacukan oleh Teknologi dengan tumpuan pada perkhidmatan kesihatan menjelang tahun 2025.

UEM Edgenta beroperasi merentasi Malaysia, Singapura, Indonesia, Taiwan, India dan Emiriah Arab Bersatu.